

Komuniti perniagaan Arab Saudi diajak tambah pelaburan di Malaysia

Kerajaan komited laksana pembaharuan permudah urusan

Daripada Farrah Naz Karim di Jeddah



Datuk Seri Anwar Ibrahim memelawa komuniti perniagaan di Arab Saudi untuk lebih banyak melabur di Malaysia, yang kini mempunyai kerajaan stabil dengan dasar yang jelas.

Berucap di hadapan ratusan ahli perniagaan Arab Saudi dan Malaysia di sini, Perdana Menteri berkata, kerajaan baharu di bawah kepemimpinannya komited memudahkan urusan perniagaan dengan melakukan pembaharuan yang menyokong perniagaan dan agenda MADANI.

Beliau mahu komuniti industri di rantau Asia Barat termasuk Arab Saudi, tahu bahawa Malaysia destinasi terbaik untuk mereka membuat pelaburan.

Perdana Menteri memberi jaminan kepada pelabur asing, Malaysia kini diterajui kerajaan yang stabil, yang bukan sahaja membentangkan dasar yang jelas, tetapi juga komited memastikan persekitaran mesra perniagaan untuk pelabur asing.

"Oleh itu, saya meminta komuniti perniagaan menghantar delegasi masing-masing bertemu rakan niaga di Malaysia, se-



Anwar ketika sesi pertemuan bersama usahawan pelbagai sektor industri perniagaan dan menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman di Jeddah, semalam. (Foto Pejabat PM)

awal-awalnya selepas Ramadan ini.

"Kita menggalakkan anda semua untuk melabur dalam bidang yang kami anggap sebagai keutamaan termasuk teknologi digital, keselamatan makanan dan sudah tentunya dalam pembangunan umum infrastruktur.

"Tiada lagi ketidakstabilan politik dan mereka boleh menjangkakan pendekatan pelaburan yang lebih progresif dan dinamik daripada Kerajaan Perpaduan," katanya pada ucapan kepada komuniti perniagaan Saudi dan Malaysia, di ibu pejabat Bank Pembangunan Islam (ISDB), di sini, kelmarin.

Yang hadir sama, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin.

Ketika rundingan malam kel-

marin, Perdana Menteri turut meyakinkan pemimpin industri Arab Saudi bahawa kepemimpinan yang berteraskan kepada konsep 'Malaysia MADANI' itu, dijamin mampu menyediakan peluang perniagaan yang lebih mudah kepada mereka.

Anwar berkata, selain komited untuk memastikan tata kelola yang baik, pentadbirannya juga memberi tumpuan untuk meletakkan negara pada landasan ekonomi yang lebih progresif.

"Malaysia berhasrat untuk melaksanakan pembaharuan, kami sangat gembira melihat kestabilan politik di negara ini.

Terdahulu, Perdana Menteri bertemu dengan kira-kira 20 pemimpin syarikat Arab Saudi, bagi membincangkan aspek kerjasama dan sektor baharu yang boleh diterokai bersama.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Jeddah, Sheikh Mohammed

Yusuf Naghi, berkata komuniti perniagaan Arab Saudi yakin dengan kestabilan politik di Malaysia dan teruja untuk meneroka perniagaan mereka ke peringkat seterusnya.

"Perdana Menteri juga dimaklumkan bahawa pihak pelabur di Arab Saudi dikatakan berminat untuk meneroka beberapa sektor perniagaan di Malaysia antaranya pembuatan cip mikro dan semikonduktor, penjagaan perubatan serta pendidikan.

"Pelabur Malaysia di Arab Saudi dijangka meluaskan pembabitannya dalam projek mega kejuruteraan di negara terbabit iaitu pembangunan bandar futuristik NEOM, selain banyak lagi peluang yang menanti pihak industri dari Kuala Lumpur," katanya.

Anwar dan Sheikh Mohammed Yusuf turut menyaksikan pertukaran empat Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimerai antara syarikat Malaysia dan Arab Saudi.

Ia membabitkan Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, yang mengetuai Dagang NeXchange Bhd dalam pertukaran dengan Ajan, konglomerat multinasional dengan pelaburan ekuiti persendirian global, hartanah dan perindustrian yang meluas dan Syarikat Kumpulan Holding Bros.

MoU lain adalah antara KLICC dan Syarikat Pengetahuan Wadi Makkah, Mobilityone Sdn Bhd dan Nad/Nesma Co Ltd, serta Qhub International Sdn Bhd dan Eromman Technologies.

Pada majlis itu, Anwar turut menunjukkan daya tarikan Malaysia yang luas sebagai destinasi pelaburan, termasuk dari Amazon Web Services (AWS) yang komited untuk pelaburan sebanyak RM25.5 bilion di negara ini, baru-baru ini.

Sempena kehadiran di sini, Perdana Menteri turut meluangkan masa bersama-sama 200 rakyat Malaysia yang tinggal di sini untuk berbuka puasa.